



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



SINGHEALTH / PIL / M91R0

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

SEDIAAN-SEDIAAN CYCLOPLEGIC & MYDRIATIC

Ubat-ubat titis mata Atropine
Ubat-ubat titis mata Homatropine
Ubat-ubat titis mata Tropicamide



MENGENAI ubat anda

Ubat titis mata cycloplegic and mydriatic digunakan untuk membukakan atau membesarkan pupil mata anda supaya doktor dapat melihat ke belakang mata anda semasa pemeriksaan mata. Ubat-ubat ini juga digunakan sebelum dan selepas pembedahan mata.

BAGAIMANA untuk saya menggunakan ubat?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan pada keterukan keadaan anda. Gunakan ubat ini mengikut dos yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

Cara penggunaan sediaan-sediaan mata yang betul:

- Cucikan tangan anda dengan sabun dan air serta membaca arahan pada label.
- Goncangkan botol sebelum penggunaan.
- Condongkan kepala anda ke belakang serta melihat ke atas.
- Tarik kelopak mata ke bawah dengan lembut untuk membentuk satu saku dan picit botol untuk menitiskan satu titisan ubat ke dalam mata. Untuk mencegah pencemaran, sila pastikan hujung depan botol tidak menyentuh mata atau sebarang permukaan lain.
- Untuk salap mata, sapu satu lapisan 0.5-1 cm ubat ke dalam kelopak bawah mata.
- Biarkan kelopak mata tertutup selama sekurang-kurangnya 30 saat (jangan mengerdip, menggosok, mengelap atau memicit mata).
- hujung tepi bahagian dalam kelopak bawah mata dengan jari anda dengan lembut selama 1 atau 2 minit untuk membenarkan ubat diserap oleh mata.
- anda perlu menggunakan lebih daripada satu titisan ubat, atau jika anda sedang menggunakan ubat-ubat titis mata jenis yang lain, anda patut tunggu untuk 5 hingga 10 minit sebelum menitiskan titisan ubat yang berikutnya ke dalam mata, (Ini adalah untuk mencegah titisan pertama dicuci keluar oleh titisan kedua sebelum titisan pertama mempunyai masa untuk bertindak, serta untuk mencegah interaksi ubat di antara 2 jenis ubat-ubat titis mata yang berlainan).
- Jika anda sedang menggunakan ubat titis mata serta salap mata pada waktu yang sama, anda patut menggunakan ubat titis mata dahulu.

anda sedang memakai kanta sentuh, jangan memakai mereka sehingga seluruh khusus rawatan ubat sudah lengkap.

Ubat titis mata tidak boleh digunakan melebihi tempoh masa 4 minggu selepas ubat

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

dibuka. Catatkan tarikh anda buka botol pada label supaya anda tahu bila masa anda patut membuang ubat.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA guna satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, guna dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau menggunakan ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk periksa dengan doktor apa yang patut anda buat.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Kesan-kesan sampingan yang mungkin berlaku termasuk rasa mengantuk, kesakitan kepala, penyumbatan hidung, keaburan penglihatan, kekeringan mata dan mulut, serta peningkatan kepekaan mata terhadap cahaya. Anda mungkin akan atau tidak mengalami sebarang kesan sampingan. Kesan-kesan sampingan ini akan hilang semasa rawatan apabila badan anda sudah menyesuaikan diri terhadap ubat. Periksa dengan doktor anda jika kesan-kesan sampingan berlarutan.

Jumpa doktor jika sebarang kesan sampingan berikut berlaku:

- Ruam atau kemerahan di sekeliling mata
- Kemerahan atau kebengkakan pada membran yang menutupi bahagian putih mata

Jika anda mengalami peningkatan kepekaan mata terhadap cahaya, pemakaian kanca mata gelap boleh dapat membantu mengurangkan ketidakselesaan mata.

Jika anda mengalami keaburan penglihatan, elakkan memandu atau melakukan tugas-tugas di tempat yang kekurangan cahaya.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor anda jika:

- Anda alahan terhadap apa-apa ubat lain, atau jika berlakunya alahan pada anda semasa menggunakan ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.
- Keadaan mata anda tidak bertambah baik selepas 5 hingga 7 hari atau jika keadaan bertambah buruk.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.